

# DIMENSI RUANG KOSMOS TARIAN DABUS: AMALAN PENYUCIAN DAN PENYEMBUHAN

*(The Cosmological Dimension of the Dabus Dance: Purification and Healing Practices)*

Mohd Kipli Abdul Rahman  
kipli2020@yahoo.com

Jabatan Seni Persembahan,  
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak.

## Abstrak

Makalah ini meneliti kepelbagaian dimensi ruang kosmos atau alam semesta dalam persembahan tarian dabus dari sudut fizikal dan metafizik. Kajian dilakukan menggunakan kaedah kualitatif melalui aplikasi strategi etnografi yang tertumpu pada hubungan antara tingkah laku dengan budaya. Secara kosmologinya, tarian dabus dilihat sebagai suatu kosmos yang kewujudannya terbentuk oleh tindakan pemain dan segala unsur teater yang membentuk persembahan. Dimensi ruang kosmos persembahan ditafsir secara fizikal dan metafizik melalui perlakuan dan kepercayaan pemain terhadap fenomena amalan penyucian dan penyembuhan. Berdasarkan kepercayaan pemain, sajian perlu disediakan dan ritual diadakan sebagai tanda hormat dan meminta izin daripada makhluk spiritual bagi membantu proses penyembuhan. Oleh sebab itu, penyembuhan dikategorikan sebagai *faith healing*, iaitu merujuk amalan ritual yang berhubung dengan kepercayaan agama. Penyembuhan berlaku ekoran kepercayaan terhadap kuasa spiritual yang campur tangan (*intervention*) dalam proses penyembuhan. Pengalaman “bawah sedar” yang dialami oleh penari sewaktu persembahan menjadi tanda psikologi dan tingkah laku pemain telah diambil alih oleh kuasa makhluk halus. Oleh itu, fokus utama makalah ini berkaitan dengan hubungan ruang kosmos dengan konsep penyucian dan penyembuhan yang menyebabkan terjadinya persembahan tarian dabus.

Kata kunci: tarian dabus, fizikal, kosmos, metafizik, bawah sedar, penyembuhan berdasarkan kepercayaan agama

### ***Abstract***

*This paper is an attempt to examine the diversity of the dimensions within cosmological spaces from physical and metaphysical aspects in dabus dance performances. Qualitative research was conducted through the application of ethnographic strategy which focuses on the relationship between behavioural actions and culture. The dabus dance is seen as a cosmos where its existence is formed through the actions of the performers and all theatrical aspects that shape the performance. The dimension of the performance of cosmological space is interpreted physically and metaphysically by looking at the actions of the performers and their belief concerning the phenomena of purification and healing. Based on the performers' belief, offerings are made and rituals are performed as a form of respect and permission-seeking from spiritual beings who will, in turn, support the healing process. The healing practice is therefore categorised as faith healing, vis-à-vis ritual practices which are related to religious beliefs. Healing occurs following the belief in the intervening powers during the healing process. This is seen through the performers' practices and faith in the power of the unseen. In relation to this, the focus of this discussion is about the relationship between the cosmological space with the concept of cleansing and purification as a cause for the dabus dance ritual to occur.*

*Keywords: dabus dance, physical, cosmos, metaphysics, subconscious, faith healing*

## **PENGENALAN**

Ritual yang berunsur menurun (*trance*) merupakan suatu fenomena lazim yang terdapat di negara-negara Asia Tenggara, terutamanya di Indonesia dan Malaysia. Ritual ini mempunyai unsur spiritual yang mengamalkan prinsip minda melebihi benda atau material (*mind over matter*) yang dapat disaksikan dalam tarian ritual dabus di Malaysia, khususnya negeri Perak. Ritual tarian dabus merupakan sejenis permainan yang menggabungkan beberapa aspek bunyian seperti gendang, dabus, gong, puisi (zikir) serta goyangan anak dabus yang bergemersik. Puisi yang disampaikan dalam bentuk irama zikir merupakan campuran zikir puisi Melayu dengan Arab. Kemuncak tarian dabus ialah adegan mencucuk benda tajam pada salah satu anggota badan bagi menunjukkan kekebalan penari.

Ritual tarian dabus terhasil ekoran tindakan dan keinginan manusia menjalinkan hubungan dengan dunia ghaib (metafizik) kerana manusia secara fitrahnya mempunyai emosi keagamaan. Metafizik merupakan satu ilmu (sains) yang mengkaji mengenai hakikat kejadian. Ilmu ini lebih mementingkan soal kebatinan atau kerohanian. Dengan perkataan lain, ilmu ini ialah ilmu rohaniah yang mengkaji perkara ghaib di sebalik perkara yang nyata kerana ilmu metafizik sebenarnya mengkaji roh. Aristotle juga menggunakan perkataan metafizik bagi merujuk “sesuatu yang di luar dunia fizikal”, iaitu skop kajiannya di luar skop sains fizikal (Abdul Majid, 1975). Maknanya, ritual ini menjadi satu media untuk menyatukan hasrat anggota masyarakat terhadap suatu kepercayaan melalui pelbagai prosedur dan tindakan yang dilakukan secara simbolik, seperti pemujaan, pengorbanan dan larangan. Oleh itu, persembahan ritual ialah suatu upacara yang terhasil daripada tindakan atau keinginan untuk menjalinkan hubungan dengan dunia ghaib bagi tujuan tertentu, yang lazimnya adalah untuk kebaikan, kesejahteraan dan ketenangan pengamalannya (Mohd. Kipli, 2009).

Tatacara ritual turut berkait rapat dengan kewujudan kosmos dalam kehidupan manusia atau merujuk bidang kosmologi yang membicarakan alam semesta. Ruang lingkup perbicaraannya merangkumi fenomena dalam ruang dan masa yang meliputi alam nyata dan alam tidak nyata serta kedudukan manusia dalam ruang tersebut (Osman, 1994). Hubungan manusia dengan alam akan mencetuskan kreativiti dan keupayaan luar biasa dalam menghasilkan karya seni yang berkaitan dengan empat unsur kosmos, iaitu tanah, air, api dan angin. Karya seni yang dihasilkan pula melambangkan semangat pengkarya terhadap kosmologi dan kepercayaan terhadap agama. Menurut Teori Kosmologi, karya seni yang dihasilkan turut dipercayai memiliki semangat ataupun jiwa (Mohd. Kipli, 2009). Secara kosmologinya, semua makhluk yang wujud dalam alam ini terbentuk daripada empat unsur, iaitu api, air, udara dan tanah. Api bersifat panas dan kering, udara pula panas dan lembab, air bersifat sejuk dan lembab, dan tanah bersifat sejuk dan kering. Hasilnya jasad dan jiwa membentuk satu keseluruhan yang lengkap, iaitu kewujudan. Oleh itu, kosmologi membicarakan masalah tentang fizik dan bukannya masalah dalam fizik, yang dinamakan juga sebagai falsafah fizik atau falsafah sains. Walau bagaimanapun, baik alam fizik mahupun metafizik, kedua-duanya saling mempengaruhi. Sekiranya persoalan metafizik bertolak daripada realiti fizik, maka sains fizik juga dipengaruhi oleh spekulasi metafizik. Sains fizik yang kelihatan tegas (*rigid*) dengan sistem dan hukumnya dapat diluaskan visinya melalui metafizik (Abdul Rahman, 1999).

Oleh itu, manusia turut menyedari bahawa kehidupan turut dipengaruhi oleh kewujudan makhluk, selain manusia yang mencakupi ruang kosmos fizikal dan metafizik. Kewujudan makhluk-makhluk lain juga dipercayai dapat memberikan

kesan positif dan negatif terhadap kelangsungan (*survival*) kewujudan manusia. Lazimnya, kesan negatif menimpa manusia dalam bentuk gangguan mahupun penyakit sama ada fizikal mahupun mental. Bertolak daripada itu, manusia melakukan ritual untuk menyembuhkan penyakit serta menghindarkan kesan negatif akibat gangguan makhluk halus. Manusia percaya dengan melakukan ritual, aura positif hadir demi memastikan kelangsungan kewujudan manusia.

Menurut Abdullah (1985), kepercayaan manusia terhadap perkara ghaib mempunyai hubungan langsung dengan kepercayaan agama kerana percaya kepada Tuhan (ghaib) merupakan dasar yang utama dalam fahaman keagamaan. Sementara itu, agama berdasarkan pandangan Mohd. Sulaiman (1984) merupakan kepercayaan kepada kewujudan Zat Yang Ghaib, Tertinggi lagi Maha Kuasa dan, bebas dengan kemahuan dan iradah-Nya untuk bertindak, mengatur dan mengurus alam semesta. Kepercayaan tersebut membolehkan hamba-Nya bermunajat dengan Zat Yang Maha Tinggi dengan penuh harapan bercampur bimbang, dan patuh. Secara ringkasnya, kepercayaan bererti “keimanan kepada zat ketuhanan yang layak ditaati dan beribadah” atau “kepercayaan kepada kewujudan sesuatu Yang Maha Tinggi”, pembawaan, tingkah laku dan amalan yang berasaskan kepercayaan tersebut.

Sehubungan dengan itu, kepercayaan terhadap fahaman agama dan fenomena mistik merupakan aspek metafizik yang dapat memandu ke arah kebenaran di luar kemampuan manusia (transenden)(Trusted, 1991). H. Aboebakar (1977) pula memerihalkan hubungan dengan hal mistik sebagai tasawuf atau suluk sebagai satu ilmu pengetahuan yang mempelajari cara bagaimanakah orang dapat berada sedekat mungkin dengan Tuhan. Tasawuf atau sufisme pula ialah suatu istilah khusus yang digunakan untuk memperkatakan mistisisme Islam sahaja dan tidak dipakai untuk mistisisme yang terdapat dalam agama-agama lain. Suluk pula merupakan suatu istilah khusus yang digunakan dalam mistisisme di Nusantara. Tujuan asas mistik adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah. Mistik juga membawa seluruh kehidupan duniawi kepada suatu alam ghaib yang tidak terbatas. Oleh itu, kedua-dua aspek tersebut, iaitu agama dan mistik membuktikan, memotivasikan dan memberikan inspirasi kepada mereka yang berusaha untuk memahami dunia fizikal. Kebanyakan bukti saintifik yang diperoleh pada masa kini telah dapat dibuktikan dengan cara mengangkat sistem kepercayaan metafizik dan mistik sebagai sebahagian daripada sistem yang sangat penting daripada kebanyakan sistem yang ada.

Kepercayaan terhadap agama dan fenomena mistik menyebabkan wujudnya ritual persembahan tarian dabus. Masyarakat pengamal dabus percaya bahawa dunia fizikal turut dipengaruhi oleh dunia metafizik, iaitu makhluk halus tersebut dipercayai sebagai roh nenek moyang merujuk kepercayaan animisme. Animisme merupakan kepercayaan tentang wujudnya makhluk halus yang boleh bersifat sakti

(*supernatural*) yang mempengaruhi kehidupan (Tengku Lucman, 1978). Animisme juga merupakan satu bentuk agama yang berasal daripada fahaman atau kepercayaan masyarakat primitif yang berpendapat bahawa alam sekeliling, iaitu semua benda, baik yang bernyawa atau tidak bernyawa mempunyai roh. Kata animisme berasal daripada bahasa Latin yang bererti roh atau jiwa. Roh ini dipercayai boleh mempengaruhi kehidupan manusia. Bagi mereka roh itu tersusun daripada satu zat atau materi halus yang hampir menyerupai wap atau udara. Dalam fahaman masyarakat primitif, roh tersebut boleh makan, mempunyai bentuk dan mempunyai umur (Harun, 1973). Oleh sebab itu, masyarakat pengamal dabus percaya bahawa tempat tinggal yang mereka diami turut dihuni oleh makhluk halus. Bertolak daripada kepercayaan tersebut, maka sajian dan ritual dilakukan dalam persembahan tarian dabus. Tujuannya adalah untuk menghormati dan meminta izin daripada makhluk halus supaya merestui usaha mereka, terutamanya untuk menyembuhkan penyakit.

Oleh itu, aspek penyembuhan dalam ritual tarian dabus dikategorikan sebagai *faith healing*, iaitu merujuk amalan ritual yang berhubung dengan kepercayaan agama. Penyembuhan dan penyucian berlaku ekoran kepercayaan terhadap kuasa spiritual yang campur tangan (*intervention*) dalam proses penyembuhan. Tegasnya, kepercayaan sesuatu kelompok masyarakat terhadap kewujudan entiti metafizik turut mempengaruhi kehidupan fizikal. Bagi meneroka proses penyembuhan dan penyucian tarian dabus, responden Mohd. Nasiruddin Hj. Sani ditemu bual pada 8 November 2012 di Kg. Gajah, Teluk Intan, Perak.

### **JAMPI DALAM BENTUK DOA DAN MANTERA: SYARAT PENYUCIAN DAN PENYEMBUHAN MERENTASI DIMENSI KOSMOS**

Jampi sangat memainkan peranan penting dalam ritual tarian dabus kerana merupakan kod komunikasi yang diamalkan oleh pemain, khususnya bomoh serta khalayak untuk mengenal pasti idea yang terkandung di sebalik benda (material). Melalui jampi, masyarakat pengamal dabus dapat mengenali dunia mereka dan menentukan kehidupan sosial secara lahiriah dan batiniah. Mereka mengetahui susunan kejadian atau kewujudan, iaitu erti kuasa, rezeki, masa dan ruang, dosa dan pahala, syurga dan neraka, serta hidup dan mati. Oleh itu, jampi bukan sekadar kata-kata, kalimat dan ayat tetapi merupakan pengucapan yang simbolik, bermakna dan sangat mistik. Jampi dan mantera turut dipelajari kerana dalam bacaannya terkandung nama makhluk halus yang ingin dihubungi. Sekiranya khalifah (bomoh) mahupun pemain gagal untuk memahami nama dan kewujudan makhluk halus tersebut, maka mereka tidak boleh menjadi khalifah. Hal ini demikian kerana khalifah berkenaan tidak berupaya

memanggil makhluk halus untuk hadir dalam persembahan, sedangkan kehadiran makhluk halus sangat penting dalam proses pengubatan dan penyembuhan ritual dabus.

Sesungguhnya, dimensi jampi terlalu luas sehingga orang yang mengamalkan jampi dan mantera dikatakan orang yang berilmu. Jangkauan ilmunya bukan sahaja setakat mengenal benda tetapi dapat menguasai serta memanipulasikan semangat benda tersebut. Khalifah dabus dihormati kerana berupaya untuk mengubati penyakit. Khalifah bertindak selaku perantara antara pesakit dengan makhluk halus yang seterusnya berupaya memulihkan semula pesakit yang mengalami gangguan makhluk halus kerana kebolehan khalifah menguasai makhluk halus tersebut.

Sehubungan dengan itu, tiga unsur penting dalam aspek penyembuhan dan penyucian dalam tarian dabus ialah khalifah, anak dabus dan penari. Khalifah memulakan upacara dengan menjampi sebutir kemenyan. Kemenyan dibakar dan semua peralatan yang digunakan dalam persembahan diasapkan. Kemudian khalifah menyiram bertih (biji jagung kering) dan beras kunyit serta menepung tawar di sekeliling gelanggang permainan. Tujuannya adalah untuk menyucikan ruang persembahan agar para pemain terhindar daripada gangguan makhluk halus akibat perbuatan khianat. Hal ini ditegaskan oleh Mohd. Nasiruddin:

Oh!! Alat tepung tawar nama dia kan... Yang dengan talam contohnya bertih, beras... tu kan. Itu alat tepung tawar. Makna, alat tepung tawar tu... itulah jampi serapah untuk khalifah tadi, makna dia ni... Sebelum lagi nak buat persembahan, seseorang sebagai khalifah sekurang-kurangnya dia tahu keadaan di tempat ini... untuk menjaga kawasan. Makna, kita main ni bukan saja nak ditonjolkan untuk pertunjukan. Makna, kita bermain. Kalau apa-apa masalah...benda ni, maklumlah besi. Sekurang-kurang tu cakap bismillah tu... Itu dalam tanah ape.. Minta-minta jangan jadi apa-apa dalam kumpulan ni. Itu semua khalifah punya kerja la tu. Itulah gunanya tepung tawar ... Renjis... Apa tu kan. Memang... Walaupun tak ada tikaman berdarah, mesti alat tu akan digunakan. Supaya daripada orang luar ni tak ada masuk untuk nak buat kacau dalam kumpulan tu. Lebih kurang macam itulah cerita dia.

Bagi menyempurnakan proses penyucian dan penyembuhan, terdapat beberapa pantang larang yang perlu dipatuhi sewaktu upacara dijalankan. Hal ini dinyatakan oleh Mohd. Nasiruddin:

Pantangnya... Yang pertama ... Pantang larang tu, Macam... kita ni tak boleh cakap besar, anak dabus ni tak boleh dilangkah. Macam tulah. Makna, syarat-syarat itu

kena adalah mengikut apa yang diajar oleh guru-guru yang lepas.

Merujuk pandangan tersebut, terdapat dua pantang larang yang utama, iaitu para pemain mahupun khalayak penonton adalah dilarang sama sekali daripada bercakap besar. Dalam hal ini, cakap besar bermaksud memperlekeh peralatan persembahan, terutamanya anak dabus yang tajam yang diperbuat daripada besi. Yang kedua, anak dabus tidak boleh dilangkah. Dalam konteks budaya Melayu, perbuatan melangkah merupakan sesuatu yang bersifat “kurang ajar” atau tidak hormat. Oleh itu, Sekiranya pantang larang tersebut diingkari, sesuatu perkara yang tidak baik dan tidak diinginkan bakal berlaku.

Amalan pemain dabus dan peranan khalifah ditentukan oleh faktor keturunan yang diwarisi daripada generasi terdahulu. Mohd. Nasiruddin yang merupakan seorang khalifah dalam ritual tarian dabus mengakui mewarisi status tersebut daripada arwah ayahnya:

Saya pun... Sebagai khalifah ni, tak lamalah. Baru dua tiga tahun. Dulu arwah ayah saya...yang ini adalah keturunan. Keturunan daripada datuk moyang. Sebab itu kami ni... dabus ini, boleh tahan... Boleh tahan lama. Makna, yang main dabus ni... Yang kata sebut tadi, dalam 20 orang... 20 lebih tadi ni, semua ahli keluarga. Sebab dia ni, bila pukul saja gendang... Itu adalah semangat. Kalau pendek kata... Ampun maaf ya, kalau umpama duit ada orang bagi empat lima ratus contoh kan, kalau saya ambil 10, yang dia ni ambik tujuh ringgit...

Walaupun peranan khalifah bersifat warisan, namun syarat untuk menggalas peranan ini tidaklah begitu rumit. Tidak ada sebarang acara rasmi yang perlu dilakukan oleh individu yang berminat untuk menjadi khalifah. Cukup hanya sekadar pengakuan untuk menerima ilmu (niat) dan beberapa doa atau mantera yang perlu dibaca, dihafal, difahami dan diamalkan. Hal ini diakui oleh khalifah Mohd. Nasiruddin:

Tak ada! Upacara rasmi. Dia betul-betul minat dan dia ni minta. Kalau kita nak bagi, ambiklah kamu ayat ini... Kita tak boleh bagi. Dia minta... Tolonglah, macam mana... Kalau keadaan pak cik tak ada besok. Siapa nak memimpin, insya-Allah saya boleh pimpin. Dia mengaku diri dia, boleh... dia sebagai pemimpin. Ha! Lepas tu, bagilah. Dia minta kalau kita nak bagi... Tak. Serupa dengan saya dulu... Saya minta pada arwah orang tua saya dulu pun saya minta. Saya tengok dia pun dah uzurkan. Dia pun meninggal pun kerana empat lima tahun strok, darah tinggi, kencing manis kan. Dia pun yakin dengan saya. Setakat ini Alhamdulillah. Tak adala orang nak cuba ka... Apa ka... Tak ada apalah. Yang lepas-lepas pun ...

Daripada datuk saya, mungkin saya tak ingatkan. Sampai ke ayah saya, tak adalah orang cuba. Pernah juga daripada universiti, dia orang nak merasa tarian dabus. Termasuk dalam soalan tau. Universiti Tanjung Malim. Nak minta ayat tu... Saya tak bagi. Sampai menangis. Tapi saya bagi sekerat-sekerat sahaja. Nak bagi habis, tak boleh. Memandangkan dia kata kalau lulus soalan ni, dia kata baru boleh balik kampung. Dia minta... Tapi saya bagi. Tapi bukan bagi habis, tapi bagi sekerat. Nak bagi penuh, saya pun faham. Yang pertama, saya tengok... minta... dia gunakan soalan sekolah kan. Makna, tak bolehla macam tu. Tapi saya cuba bagi. Saya bagi sekerat-sekerat pun... Kalau dia orang nak buat pun tak boleh.

Namun begitu, bacaan doa atau mantera yang dimiliki oleh khalifah tidak boleh diberikan kepada sembarangan orang. Doa atau mantera ini hanya boleh diberikan kepada individu yang benar-benar berminat sepenuh hati untuk menjadi khalifah dan menyatakan pengakuan kesetiaannya. Oleh itu, sifat mantera ini sangat khusus serta eksklusif dan bukan sembarangan orang boleh membacanya. Sifat eksklusif doa atau mantera ini diikat oleh perjanjian khalifah dengan besi yang menjadi bahan pembuatan anak dabus. Perjanjian tersebut juga menegaskan asal usul kejadian yang melibatkan aspek kosmologi. Hal ini ditegaskan melalui unsur kosmos yang dinyatakan oleh Mohd. Nasiruddin:

Ayat ni yang sebenarnya.. Yang tikaman ni.. Apa yang kita janjikan. Kita tahu manusia... Tanah, air, api, angin. Kita tahu asal manusia daripada mana kan. Kemudian besi ni, sapa tua, sapa muda. Daripada situlah. Setiap apa yang kita jampi sukat, katakan anak dabus yang kita nak tikam, had inilah contoh dia... Katakan kita buat tikaman dua hole, contoh. Makna apa yang kita janji pada besi tu, had itu sahaja. Dia tak boleh lebih. Dia mesti ada janji. Itu yang tak boleh langgar pantang larang dia. Kita hanya buat, permainan persembahan. Bukan untuk menunjuk pada orang. Tu yang jampi serapah itu. Cuma permainan.

Merujuk kenyataan informan tersebut, bacaan jampi yang dibaca oleh khalifah terhadap anak dabus yang diperbuat daripada besi itu merupakan ayat tikaman. Maksudnya, perjanjian khalifah dengan besi yang tajam itu berkaitan dengan hal para penari yang menyucukkan anak dabus ke lengan mereka ketika sedang menari. Khalifah dan besi berjanji agar lengan penari tidak luka apabila besi anak dabus yang tajam itu dicucukkan ke lengan penari. Hal ini demikian kerana tujuan menyucukkan lengan adalah untuk tujuan penyucian diri penari. Apabila selesai sahaja persembahan, khalifah akan menjampi lengan penari yang dicucukkan dengan besi anak dabus tadi sebagai usaha penyembuhan. Perjanjian khalifah dan anak dabus melalui bacaan



jampi juga bertujuan untuk melemahkan besi agar tidak mencederakan para penari. Bacaan jampi dalam bentuk doa atau mantera diambil daripada ayat al-Quran serta dipersembahkan dalam bentuk nyanyian sepanjang persembahan berlangsung. Hal ini dinyatakan oleh Mohd. Nasiruddin:

Memang dijampi, dilemahkan, dijanjikan. Memang. Ahhh.. Itu yang gunanya khalifah, perjanjian kita dengan besi tu. Ayat tu sebenarnya semua ayat al-Quran, bukan ayat yang gunakan apa... ketukan sihir ke apa... tak ada. Semua ayat dalam Quran. Serupa nyanyian yang kita buat... nyanyi dabus ni. Semua ayat dalam kitab berzanji. Tak ada gunakan, ampun maaf... Lagu-lagu pop apa... tak ada. Semua puji-puji nabi.

Walaupun terdapat pantang larang, namun terdapat sedikit kelonggaran, terutamanya dari segi penggunaan anak dabus. Menurut informan, anak dabus ini boleh digunakan oleh sesiapa sahaja, terutamanya bagi mereka yang berminat untuk mempelajari tarian dabus. Sewaktu proses pembelajaran, anak dabus yang tumpul digunakan. Selain itu, bacaan jampi dalam bentuk doa dan mantera tidak diberikan kepada pelajar. Maknanya, pelajar hanya didedahkan dengan teknik persembahan tarian dabus sahaja. Apabila mereka telah serius mendalami tarian ini, khalifah akan mengajar mereka hal yang berkaitan dengan doa atau mantera. Bacaan doa dan mantera yang diamalkan oleh khalifah merangkumi seluruh kosmos, iaitu fizikal dan metafizik. Dalam situasi ini, pantang larang tentang penggunaan anak dabus menjadi longgar. Mohd Nasiruddin menegaskan hal ini:

Sesiapa boleh pakai. Katakan orang nak belajar ke... Tapi orang belajar, takla anak dabus yang tajam. Tapi sapa-sapa pun boleh pakai. Itu pasalnya yang kita gunakan tepung tawar ni. Jampi dia ni bukan seorang, tapi seluruh alam. Yang boleh menggunakan anak dabus tu. Jangan Cina, India dahla. Cina, India tu memang apa jampi pun kita tak masuk kan. Tu dia... Tak ada apa masalah. Cuma anak dabus ni, jangan kita langkah dahla kan. Itu pasalnya kita nak main, kita jampi, habis main kita tutup balik, kita jampi. Macam tulah.

Perkara lain yang perlu difahami adalah tentang syarat penggunaan anak dabus sewaktu persembahan. Penari yang membuat persembahan dabus perlu memegang dua anak dabus pada tangan kiri dan kanan. Kedua-dua anak dabus merupakan pasangan atau turut dikenali sebagai kelamin yang mewakili jantina, iaitu jantan dan betina. Para pemain dabus perlu mengenali jantina anak dabus dan memastikan pasangan yang betul digunakan sewaktu persembahan, iaitu satu jantan dan satu

betina. Mohd, Nasiruddin menegaskan hal ini seperti yang berikut:

Dia ada kelamin-kelamin dia. Satu anak dabus tu... Dua kan.. Untuk seorang. Dia panggil kelamin-kelamin. Ibaratkan perempuan lelaki. Macam tulah..

Bukan. Satu pasang, bentuk yang sama, satu pasang bentuk yang begini. Itu pasal kita ada tanda bukan. Bunyi dia pun sama. Yang tiga cabang anak dabus tu... Dipanggil dia punya telinga atau cuping kan. Dia tak boleh, awak pakai sebelah ini... Dia pakai sebelah ini. Tak boleh. Dia mesti yang sama. Bukan ada tanda ABC ke apa. Tak ada. Dia bentuk-bentuk lain. Itu pasalnya dia ada panggilan kelamin.

Hubungan khalifah dan anak dabus sangat akrab merentasi dimensi ruang kosmos. Hubungan erat yang terjalin dalam ikatan perjanjian antara kedua-duanya bagai ikatan persaudaraan. Ekoran ikatan yang erat itu, maka khalifah turut berjanji dengan besi agar membiarkan fitrah kewujudan besi dikekalkan. Oleh itu, khalifah tidak boleh mewarnakan besi anak dabus dengan apa-apa cara sekalipun. Sekiranya besi tersebut telah berkarat, khalifah hanya perlu mengasahnya semula dan tidak boleh mewarnakannya supaya kelihatan berkilat. Hal ini dinyatakan oleh Mohd. Nasiruddin:

Itu untuk gunakan khalifah. Khalifah yang buat. Khalifah yang susun. Besi ni sedara... Dia jangan... Tak bolehnya dikilatkan, kalau besi kita guna ni. Kalau kita kilatkan, macam *spray* la kan. Tak boleh. Itu pasal anak dabus yang betul-betul *original*, dulu punya... Dia ni macam karat saja. Itu pasal bila kita nak main dabus kita asah balik. Dia anak dabus sekarang ni, tengok daripada pihak pelancongan, dia mesti berkilat. Makna itu anak dabus *steel*. Itu tak payah jampi-jampi. Dia anak dabus betul, dia karat saja kan. Itu pasal dia panggil... besi yang tua, besi yang tajam.

Penjelasan tersebut menegaskan konsep hubungan yang erat antara besi dengan khalifah dan merujuk dimensi ruang kosmos. Walaupun besi dari segi fizikalnya berbeza daripada manusia, namun besi memiliki roh (entiti metafizik) yang sama seperti manusia. Oleh itu, anak dabus turut dilayan oleh khalifah sama sahaja seperti manusia. Fitrahnya, manusia secara fizikal akan meningkat usia seiring dengan peredaran masa. Hal yang sama juga turut dialami oleh besi. Fitrahnya,

besi yang berkarat sudah dianggap lama. Oleh sebab itu, khalifah dilarang untuk mewarnakannya agar kelihatan baharu.

Oleh itu, persembahan ritual dabus, alam, manusia dan persembahan merupakan suatu kesatuan yang organik serta mempunyai semangat kosmos. Dalam hubungan ini, transformasi semangat kosmos berpindah daripada alam (fizikal dan metafizik) ke dalam jasad manusia (bomoh dan pesakit) sehingga terhasilnya suatu persembahan yang mampu menyembuhkan penyakit. Melalui proses ritual dabus, kosmos alam dan kosmos persembahan bersatu dan akhirnya melahirkan keindahan (estetika). Hal ini turut merujuk konsep luaran dan dalaman kewujudan manusia sebagai suatu kosmos. Jasad luaran manusia merupakan kosmos luaran dan aspek kerohanian (kejiwaan) manusia merupakan kosmos dalaman. Namun, hal yang lebih penting dalam kehidupan manusia beragama ialah kesejahteraan kosmos dalaman. Hal ini demikian kerana ketenangan kosmos luaran bergantung pada kesejahteraan kosmos dalaman. Kesejahteraan dan kekuatan kosmos dalaman pula sangat dipengaruhi oleh tindakan kosmos luaran yang akur melaksanakan sesuatu perkara berlandaskan kepercayaan agamanya, yakni bauran kepercayaan animisme dengan Islam.

Merujuk konsep fizikal dan metafizik dalam ritual tarian dabus, kewujudannya turut berkait rapat dengan konsep ruang dan masa. Hal ini pernah dihujahkan oleh Kant (Enver, 1976) yang mengatakan bahawa ilmu dan pengetahuan ditentukan oleh ruang dan waktu. Dunia terdiri daripada dua faktor, iaitu benda dan pertukaran dalam benda itu. Waktu dan masa mestilah wujud untuk melakukan pertukaran. Selanjutnya Kant mengatakan bahawa masa dan ruang bukanlah hakikat yang objektif, tetapi hanyalah cara atau ragam untuk memahami hakikat. Hal ini bermakna bahawa ruang dan masa bersifat subjektif. Ruang dan waktu tidak akan wujud selain subjek dan semua benda berada dalam ruang dan masa. Oleh itu, segala yang dilihat merupakan suatu fenomena semata-mata. Oleh sebab itu, jika mengikut pandangan Kant, persembahan ritual tarian dabus dan seluruh kewujudannya hanyalah suatu fenomena kerana berlaku dalam ruang dan waktu. Di samping itu, hal yang cuba difahami ialah sifat subjektif kewujudan ruang dan masa melalui persembahan ritual tarian dabus (Mohd. Kipli, 2009).

Oleh yang demikian, masa dan ruang merupakan bentuk pengalaman yang tidak statik tetapi ditentukan atau ditetapkan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pengalaman masa dan ruang yang luar biasa dikenali sebagai metafizik, sebaliknya fenomena masa dan ruang yang tidak terbatas yang mencakupi ruang kewujudan Yang Mutlak (*Absolute Reality*) (Mohd. Kipli, 2009).

## KESIMPULAN

Proses penyucian dan penyembuhan dalam persembahan tarian dabus diikat oleh perjanjian yang dilakukan oleh khalifah dengan anak dabus. Perjanjian tersebut membuktikan tidak terbatasnya hubungan makhluk yang merentasi pelbagai dimensi kosmos, iaitu fizikal dan metafizik. Perakuan kesetiaan bagai hubungan persaudaraan melalui perantaraan jampi dalam bentuk doa atau mantera menyebabkan penari tidak cedera apabila mencucukkan anak dabus ke lengan. Bacaan doa atau mantera bukan sahaja dilakukan oleh khalifah, malah diiringi oleh semua pemain dalam bentuk lagu dan iringan muzik. Kesimpulannya, keseluruhan persembahan tarian dabus merupakan suatu proses penyucian dan penyembuhan yang dikenali sebagai *faith healing*, ekoran kepercayaan pemain terhadap kewujudan entiti metafizik.

## PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan tentang tarian dabus melalui Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS, USM), Kementerian Pengajian Tinggi, 203/PSENI/6711269 dan Geran Penyelidikan Long Term Research Grant Scheme (LRGS, USM), Kementerian Pengajian Tinggi, 203/PTS/6720007, 203/PTS/6727001, 203/PTS/6727002, 203/PTS/6727003.

## RUJUKAN

- Abaoebakar Atjeh, 1977. *Pengantar Sejarah Sufi dan Tasawuf*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Abdul Majid Hj. Khatib, 1975. *Risalah Metafizik Jalaluddin Rumi*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Abdul Rahman Abdullah, 1999. *Falsafah Alam Semesta di Nusantara*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Abdullah Taib, 1985. *Asas-asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Nasution, 1973. *Filsafat Manusia*. Jakarta: Penerbit Gunung Agung.
- Mohd. Kipli Abdul Rahman, 2009. *Mabuk Mistikal: Semiotik Metafizik dalam Kuda Kepang Mabuk*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Mohd. Kipli Abdul Rahman, 2012. *Sinkritisme dalam Wayang Wong Johor*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Mohd. Sulaiman Hj. Yasin, 1984. *Pengantar Akidah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Bakar, 1994. "Perspektif Kosmologi Tasawuf dalam Pemikiran Kosmologi Melayu".

- Kertas Kerja dlm. Seminar Antarabangsa Kosmologi Melayu. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 24–26 Januari 1994, hlm. 639.
- Tengku Lucman Sinar, 1978. *Sumatera Timur Zaman Purbakala*. Medan: Wira.
- Trusted, Jennifer. 1991. *Physics and Metaphysics: Theories of Space and Time*. London: Routledge.